



DATUK Seri Mah Siew Keong

Nilai eksport industri perikanan diunjur meningkat sehingga RM30 bilion



Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

[Share](#) [Tweet](#) [G+](#) [Share](#)

KUALA LUMPUR: Nilai eksport industri perikanan negara dijangka meningkat antara RM25 bilion hingga RM30 bilion menjelang 2020.

Ia disokong oleh inisiatif platform e-dagang dan peningkatan tenaga buruh serta inovasi dalam sektor itu.

Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata industri perikanan antara penyumbang terbesar pendapatan negara.

Tahun lalu, katanya, nilai keseluruhan eksport produk perikanan mencecah RM22 bilion.

Beliau berkata, sehingga Jun 2017, nilai eksport industri berkenaan ialah RM11.5 bilion, peningkatan sebanyak 5.2 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Tahun ini kita sasaran RM24 bilion, meningkat sedikit berbanding tahun lalu. Saya yakin dengan usaha berterusan semua pihak, nilai eksport pada tahun ini dapat melepasi nilai eksport pada tahun sebelumnya.

"Prestasi memberangsangkan ini juga menunjukkan bahawa usaha di bawah Bengkel Semakan Semula Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) yang diperkenalkan kerajaan pada 2009 mampu melonjakkan industri perikanan ke tahap lebih tinggi dan berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media NATIP Revisit 2017 di sini, hari ini yang dihadiri lebih 150 peserta daripada pelbagai agensi, persatuan industri dan pihak berkepentingan.

Ia bertujuan melihat semula aspek pelaksanaan dasar dan sasaran yang ditetapkan di bawah NATIP sehingga 2020 supaya lebih realistik berdasarkan ekonomi semasa.

Mengulas lanjut, Siew Keong berkata, kementerian akan melaksanakan inisiatif pembangunan Pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi sektor komoditi termasuk perikanan supaya ia kekal relevan bagi tempoh 30 tahun akan datang.